

30/07/1997

Peluang beli pakaian jenama

KUALA LUMPUR, Selasa - Orang ramai berpeluang membeli koleksi pakaian berjenama terpakai, kasut, beg tangan, pakaian kanak-kanak, hiasan rumah, aksesori dan mainan pada harga murah selain menderma kepada Yayasan Aids Malaysia (MAF).

Semua pakaian dan perhiasan yang didermakan personaliti tanah air dan antarabangsa akan dijual pada pertunjukan Fashion Aid '97 - Jualan Amal Untuk Aids di pusat beli-belah Lot 10 pada 4 dan 5 Oktober ini dari jam 10 pagi hingga 9 malam.

Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Datin Paduka Marina Mahathir, berkata mereka yang berminat menderma pakaian, aksesori atau hiasan terpakai dialu-alukan.

"Orang ramai boleh menderma di pejabat MAF atau menyerahkan sendiri barang itu di Lot 10 ketika kami membuka kaunter pada bulan September nanti," katanya pada sidang akhbar mengenai pertunjukan itu di sini, hari ini.

Marina, yang juga Pengerusi MAF berkata, semua hasil kutipan sepanjang jualan itu akan diberikan kepada MAF bagi membantu yayasan itu menjalankan program pendidikan, pencegahan dan penjagaan mengenai penyakit Aids.

(END)